



KENYATAAN MEDIA

30 KES PENYELEWENGAN DANA PSU DIKENALPASTI

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini mengesahkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Rabu, 7 Oktober 2020 berhubung penahanan seorang Pengarah Urusan sebuah syarikat yang mengemukakan dokumen palsu bagi permohonan Program Subsidi Upah (PSU).

Kes tersebut merupakan antara **30 kes tuntutan palsu dan salah guna dana PSU yang telah dikenalpasti oleh PERKESO**. PERKESO amat menghargai kerjasama SPRM dalam mengendalikan kes tersebut.

Justeru, PERKESO ingin mengingatkan mana-mana pihak yang membuat **tuntutan palsu serta menyalahgunakan dana PSU bahawa mereka tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang**.

Sehingga kini, sebanyak **RM11.8 bilion** subsidi upah telah dibayar kepada majikan. PSU adalah bantuan kewangan kepada majikan yang terjejas dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19 untuk membolehkan mereka meneruskan operasi tanpa pembuangan pekerja.

PERKESO juga telah mengesan percubaan membuat permohonan palsu untuk **Insentif Pengambilan Pekerja**. Program ini menyediakan insentif kewangan kepada majikan yang menggajikan pekerja dengan tujuan merangsang pewujudan pekerjaan dan meningkatkan peluang pekerjaan.

PERKESO kesal ada pihak yang sanggup menanggung di air keruh dalam waktu sukar ini, yang menyaksikan ramai kehilangan punca rezeki. Kami memandang serius isu penyelewengan dana PSU mahupun Insentif Pengambilan Pekerja, dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba untuk menyalahgunakan bantuan Kerajaan.

Pertubuhan ini komited dalam melaksanakan amanah yang diberikan Kerajaan dan akan memastikan semua bantuan untuk mereka yang terjejas disalurkan dengan betul mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, kami menasihatkan mana-mana majikan yang ada membuat tuntutan palsu atau terlibat dalam penyalahgunaan bantuan Kerajaan, agar **menghubungi PERKESO dan memulangkan kembali bayaran tersebut**.

Bagi tujuan pemulangan kembali bayaran PSU atau Insentif Pengambilan Pekerja, majikan diminta untuk membuat bayaran menerusi akaun **MAYBANK** bernombor **564427515459** (PERKESO SIP-Bayaran) dengan rujukan **“Bayaran balik PSU/Insentif Pengambilan Pekerja”**.

Bukti pembayaran dan maklumat bayaran balik hendaklah dikemukakan kepada PERKESO melalui emel ceo@perkeso.gov.my. Urusan pembayaran balik kepada PERKESO juga boleh dibuat di mana-mana pejabat PERKESO di seluruh negara.

Kami juga mengalu-alukan orang ramai untuk memberi maklumat berhubung penyelewengan sedemikian kepada PERKESO atau pihak berkuasa. **Identiti pengadu akan dirahsiakan.**

Memandangkan pihak SPRM masih menjalankan siasatan terhadap penahanan majikan berkenaan, sebarang kenyataan lanjut hanya akan dimaklumkan setelah segala siasatan selesai.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

9 OKTOBER 2020